

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : ISU PEMBINAAN HOSTEL DI KAWASAN RUMAH KEDIAMAN

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kegiatan mengubahsuai kediaman untuk dijadikan hostel di kawasan perumahan semakin kerap terjadi. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memantau isu ini dan apakah tindakan efektif yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemilik rumah bagi membanteras isu ini?

JAWAPAN:

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan Soalan 271 daripada Yang Berhormat Subang Jaya berkaitan Pengubahsuaian Rumah Teres Kepada Asrama.

- a) Bagi mengatasi dan mengawal aktiviti pengubahsuaian rumah teres kepada asrama, beberapa tindakan pengawalan dan penguatkuasaan dilakukan oleh PBT berdasarkan maklumat awam dan tindakan diambil di bawah :
- i. Seksyen 70(13), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) sekiranya melibatkan pengubahsuaian bangunan tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu dari PBT;
 - ii. Seksyen 86(a), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) juga boleh diambil juga boleh diambil sekiranya aktiviti atau keadaan sesuatu premis itu mewujudkan kacau ganggu, mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan awam; dan
 - iii. Seksyen 79, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang sekiranya melibatkan aktiviti rumah penuh sesak iaitu kepadatan jumlah penghuni melebihi had yang dibenarkan di dalam sesuatu rumah kediaman itu.

Tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas sebarang binaan yang tidak mengikut garis panduan kediaman dalam erti kata lain, binaan hostel yang tidak bercirikan rumah kediaman sekiranya didapati tidak mendapatkan kelulusan daripada pihak majlis terlebih dahulu. Ini termaktub dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dibawah seksyen 70(12) – Binaan tanpa kebenaran yang ada perubahan kegunaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : TAPAK PEMBUANGAN HARAM DAN SISA KIMIA HARAM

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tapak pembuangan haram dan sejauh manakah usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah tapak pembuangan haram termasuk tapak pembuangan sisa kimia haram di seluruh negeri?

JAWAPAN:

Pertanyaan ini dijawab bersekali soalan no. 25 daripada Yang Berhormat Dengkil berkaitan Isu Pembuangan Sampah Haram.

- a) Jumlah tapak pelupusan sampah haram di Negeri Selangor Negeri Selangor adalah sebanyak **152 tapak**. Kesemua tapak pelupusan sampah haram ini telah diambil tindakan pemantauan oleh PBT termasuk tindakan penutupan, pembersihan, perobohan struktur binaan, sitaan alatan jentera dan proses pencarian pemilik tanah. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:-

| BIL. | PBT | Bilangan Tapak | Tindakan |
|-------------|------------|-----------------------|---|
| 1. | MPSJ | 49 | 37 tapak telah ditutup 12 tapak dalam pemantauan |
| 2. | MPSp | 30 | Kesemua tapak dalam pemantauan Jentera dan peralatan diambil tindakan sitaan |
| BIL. | PBT | Bilangan Tapak | Tindakan |
| 3. | MBSA | 20 | 5 tapak laluan ditutup (tidak aktif) 4 tapak proses mencari pemilik tanah 3 tapak telah dibersihkan 3 tapak telah ditutup 1 tapak dalam proses pendakwaan 3 tapak dalam tindakan Operasi Bersepadu 1 tapak telah diambil tindakan roboh struktur binaan |

| | | | |
|-----|------|-------|---|
| 4. | MPS | 19 | 7 tapak telah ditutup 5 tapak dalam tindakan di mahkamah oleh pihak Pejabat Tanah Daerah Gombak 2 tapak dalam proses pemulihan oleh pemilik tapak sampah haram 5 tapak dalam proses carian hak milik mengenai status tanah |
| 5. | MPKj | 18 | 11 tapak telah ditutup laluan (tidak aktif) 7 tapak dalam tindakan penutupan |
| 6. | MPK | 10 | 6 tapak telah ditutup 4 tapak dalam tindakan pemantauan |
| 7. | MDKS | 6 | Kesemua tapak dalam tindakan pemantauan |
| 8. | MDKL | Tiada | Tiada tapak sampah haram. Tetapi sebanyak 10 tapak adalah sampah longgok yang dibuang di tepi rezab jalan dan sungai. Kini dalam proses pembersihan. |
| 9. | MDHS | Tiada | Tiada tapak sampah haram. Tetapi sebanyak 48 tapak adalah sampah longgok yang dibuang di tepi rezab jalan. Tindakan pembersihan secara <i>in-house</i> . |
| 10. | MBPJ | Tiada | - |
| 11. | MPAJ | Tiada | - |
| 12. | MDSB | Tiada | - |

*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

Usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah tapak pembuangan sampah haram adalah seperti:-

- 1) Memperkenalkan *Standard Operation Procedure* (SOP) melalui Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGS) Bil.1/2019 SOP Tindakan Penguatkuasaan Secara Bersepadu Bagi Menangani Tapak Pelupusan Dan Pembuangan Sampah Haram Di Negeri Selangor bagi menyeragamkan tindakan dan panduan kepada semua pegawai dan

kakitangan unit atau bahagian penguatkuasaan di Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- 2) bermula belanjawan tahun 2017, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar penyaluran peruntukan dilaksanakan kepada PBT yang berpendapatan rendah bagi membantu kerja-kerja kutipan sampah di kawasan kampung tradisi;
- 3) PBT turut memberikan perkhidmatan kutipan sampah di kawasan kampung secara berjadual melalui syarikat kutipan yang dilantik atau melalui syarikat pengurusan sisa pepejal yang dilantik seperti syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM).
- 4) Pihak Kerajaan Negeri juga sedang melihat keperluan pengurusan kutipan sampah domestik di premis perindustrian, perhotelan dan pusat membeli diambil alih oleh PBT atau PMC berikutan premis tersebut telah melantik kontraktor sendiri.

Bagi isu pembuangan sisa kimia haram, jumlah tapak sisa kimia haram yang dikenalpasti di seluruh Negeri Selangor setakat Mei 2019 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah berjumlah **1,298 tapak**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

| Bil. | Daerah | Bilangan Tapak |
|-------------|----------------|-----------------------|
| 1. | Kelang | 302 |
| 2. | Hulu Selangor | 270 |
| 3. | Petaling | 220 |
| 4. | Kuala Selangor | 136 |
| 5. | Hulu Langat | 122 |
| 6. | Gombak | 114 |
| 7. | Sepang | 64 |
| 8. | Sabak Bernam | 56 |
| 9. | Kuala Langat | 13 |
| | JUMLAH | 1298 |

**Sumber: MESTECC*

Untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan dan kawalan bahan kimia dari industri adalah di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Susulan daripada

pencemaran yang berlaku di selatan tanah air baru-baru ini, satu Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Bahan Buangan Terjadual Kebangsaan ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan diterajui oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (MESTECC). Sehubungan dengan itu, bagi langkah pemantauan dan pencegahan:-

- 1) Maklumat berkaitan penjanaaan dan pengurusan bahan buangan terjadual di bawah JAS hendaklah dikongsikan dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan berkaitan seperti KPKT;
- 2) Data cerapan lokasi pelupusan bahan buangan dan lokasi *hotspot* oleh Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dikemukakan kepada semua Kerajaan Negeri;
- 3) Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan seperti JAS Negeri Selangor hendaklah menjalankan pemeriksaan dan pemantauan agar buangan yang dijana dilupuskan dengan sewajarnya bagi mengelakkan insiden pencemaran alam sekitar; dan
- 4) PBT juga merekodkan aktiviti perniagaan yang dijalankan semasa proses permohonan lesen dikemukakan dan memastikan kelulusan JAS diberikan terlebih dahulu bagi aktiviti-aktiviti perniagaan yang berisiko tinggi; dan
- 5) PBT juga mengadakan lawatan berkala ke premis-premis bagi memantau aktiviti industri yang dijalankan oleh pengusaha bagi memastikan tiada pelanggaran syarat lesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : SEKOLAH KURANG MURID RAMAI

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap keperluan sekolah di Bandar Puncak Alam yang tidak mencukupi?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rasional Kerajaan menghapuskan Skim SMUE?
- b) Berapa ramai peserta yang telah mendaftar dalam Skim SMUE dan berapa ramai yang telah mendapat manfaat sejak ia diperkenalkan?
- c) Berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah dikeluarkan sejak SMUE mula diperkenalkan?

JAWAPAN:

- a) Skim SMUE tidak dihapuskan tetapi ditambah baik setelah mengambil kira pandangan warga emas yang mana selama ini sering dinyatakan tiadanya manfaat semasa hidup untuk mereka yang berdaftar di bawah skim ini memandangkan manfaat khairat kematian hanya dinikmati oleh waris mereka.

Selain itu, selama 10 tahun sejak ia diperkenalkan pada tahun 2008 sehingga kini, manfaat khairat kematian hanya dibayar kepada 106,012 orang warga emas (pembayaran kepada waris) berbanding daripada jumlah keseluruhan jumlah ahli SMUE yang berdaftar iaitu seramai 314,085 orang.

Oleh yang demikian, sekiranya program Jom Shopping dilaksanakan, manfaat program ini akan dinikmati oleh 204,679 warga emas yang masih hidup (*rekod sehingga 18 Julai 2019*).

Selain dari itu bantuan khairat kematian telah banyak ditawarkan oleh agensi lain seperti Perkeso, KWSP dan BSH selain masjid dan surau bagi yang beragama Islam, skim takaful warga emas swasta, dan skim Bantuan Mengurus Jenazah di bawah JPA untuk penjawat awam.

- b) Jumlah berdaftar setakat 18 Julai 2019 adalah seramai 314,085 orang. Dari jumlah itu seramai 106,012 orang sudah menerima manfaat SMUE dalam bentuk khairat kematian kepada waris.
- c) Kerajaan Negeri telah membayar sebanyak RM263.10 juta dalam bentuk manfaat khairat kematian sejak ia diperkenalkan pada tahun 2008 sehingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI INDIA

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk program pemberdayaan dan pembangunan komuniti kaum India dalam usaha menaiktaraf hidup mereka dan mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menjaga dan memelihara hak serta kebajikan rakyat di negeri ini dengan tidak mengira agama, kaum mahupun bangsa. Walau bagaimanapun, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, tumpuan diberikan adalah khusus kepada pekerja ladang dan bekas pekerja ladang yang majoriti boleh saya katakan berbangsa India.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Melawati, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah memperuntukkan dana sebanyak RM2.5 juta pada tahun 2019 khusus bagi pelaksanaan program yang memberi manfaat bukan sahaja kepada pekerja ladang dan bekas pekerja ladang, malahan turut dirasai oleh anak – anak mereka. Suka saya memaklumkan, peruntukan tersebut yang dahulunya telah ditetapkan sebanyak RM1.8 juta setahun telah ditingkatkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini berdasarkan pencapaian Jawatankuasa dalam memelihara kebajikan pekerja ladang dan bekas pekerja ladang melalui penganjuran program - program yang khusus. Maka, tanggungjawab Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin kini adalah lebih besar dari tahun – tahun sebelum. Kepercayaan yang diberi oleh Kerajaan Negeri terhadap jawatankuasa akan digunakan sehabis baik dalam usaha memastikan kebajikan golongan tersebut dipelihara.

Peranan Kerajaan Negeri dalam memelihara hak dan kebajikan golongan pekerja ladang dan bekas pekerja ladang dapat dilihat di bawah Portfolio Pembangunan Pekerja Ladang dan Portfolio Program Pendidikan Anak – anak Pekerja Ladang. Di bawah portfolio Pembangunan Pekerja Ladang, Jawatankuasa telah menganjurkan beberapa bentuk program khusus yang memberi manfaat besar kepada pekerja ladang dan bekas pekerja ladang di Negeri Selangor. Di antara

program – program tersebut adalah melibatkan program sambutan perayaan, kemahiran, motivasi, penerangan dan sebagainya. Antara program perayaan tahunan yang akan diadakan pada setiap tahun termasuklah Program Perayaan Pesta Ponggal, Program Perayaan Thaipusam dan Program Sambutan Perayaan Deepavali. Dalam pada itu, bagi memastikan golongan pekerja ladang dan bekas pekerja ladang di negeri ini keluar dari dibelenggu kemiskinan, beberapa bentuk program yang berteraskan kemahiran telah dianjurkan untuk membantu mereka mempelajari perkara – perkara asas sesuatu bidang yang secara tidak langsung dapat menambah pendapatan sampingan mereka dalam meringankan beban dalam arus pemodenan yang semakin berkembang pesat.

Sehubungan itu, manfaat melalui penganjuran program – program juga turut dirasai oleh anak - anak pekerja ladang di mana peruntukan sebanyak RM1.3 juta pada tahun – tahun sebelum telah ditingkatkan kepada RM2 juta pada tahun ini di bawah Portfolio Program Pendidikan Anak – anak Pekerja Ladang. Diantara program utama di bawah Portfolio Program Pendidikan Anak – anak Pekerja Ladang adalah seperti berikut :-

| PROGRAM | PERUNTUKAN TAHUN 2018 (RM) | PERUNTUKAN TAHUN 2019 (RM) |
|--|---|---|
| <p>Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah <i>Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang yang layak mengikut kriteria permohonan bagi setiap tahun.</i></p> | <p>RM600,000.00 Penerima manfaat : 2,463 pelajar</p> | <p>RM1 Juta Penerima manfaat setakat Julai 2019 : 799 pelajar</p> |
| <p>Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia <i>Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5000.00 setiap pelajar yang layak mengikut kriteria permohonan bagi satu jurusan bagi</i></p> | <p>RM300,000.00 Penerima manfaat : 44 pelajar</p> | <p>RM600,000.00 Penerima manfaat setakat Julai 2019 : 86 pelajar</p> |

| PROGRAM | PERUNTUKAN TAHUN 2018 (RM) | PERUNTUKAN TAHUN 2019 (RM) |
|---|---|--|
| <i>mengurangkan bebanan yuran pengajian anak – anak kepada ibu bapa.</i> | | |
| <p>Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)</p> <p><i>Penyampaian wang adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak – anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung mengurangkan beban kos sara hidup kepada ibu bapa yang pekerja ladang</i></p> | <p>RM150,000.00</p> <p>Penerima manfaat</p> <p>:</p> <p>6A 106 pelajar</p> <p>7A 107 pelajar</p> <p>8A 73 pelajar</p> | <p>RM150,000.00</p> <p>Penerima manfaat</p> <p>:</p> <p>6A 129 pelajar</p> <p>7A 125 pelajar</p> <p>8A 103 pelajar</p> |
| <p>Program–program Motivasi Anak Pekerja Ladang (Program Ad-Hoc)</p> <p><i>Dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi dan pendidikan di kalangan anak pekerja ladang di dalam menimba ilmu pendidikan.</i></p> | <p>250,000.00</p> <p>(Sebanyak 10 program telah dianjurkan)</p> | <p>RM100,000.00</p> <p>(Sebanyak 7 program telah dianjurkan setakat Julai 2019)</p> |
| <p>Program Pembangunan Sukan, Sains, Inovatif dan Kebudayaan (PSIK)</p> <p><i>Program ini adalah merupakan program baru di bawah Jawatankuasa bertujuan memberi penghargaan berbentuk sumbangan wang tunai kepada pelajar sekolah tamil yang menyertai atau memenangi kejohanan di peringkat luar negara.</i></p> | <p>-</p> | <p>RM150,000.00</p> |

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus membantu dan menjaga kebajikan pekerja ladang dan anak – anak pekerja ladang selaras dengan dasar – dasar Kerajaan Negeri sedia ada serta penguatkuasaan Undang – undang Buruh Di Malaysia : Akta Pekerja 1955. Selaras dengan akta berkenaan, Kerajaan Negeri turut mempunyai *Estet Land Board (ELB)* yang bertujuan untuk menyemak dan meluluskan apa – apa transaksi ladang yang mempunyai keluasan melebihi 100 ekar bagi tujuan pembangunan. Pertimbangan dan kelulusan ini juga akan mengambil kira fasiliti yang terdapat di dalam ladang berkenaan seperti sekolah, rumah ibadat, tapak perkuburan dan sebagainya. Ia adalah bagi membantu mereka untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya demi memastikan mereka terus berdaya saing dan maju seiring dengan pembangunan negara yang semakin pesat membangun.

Oleh yang demikian, melalui penganjuran program – program sebagaimana yang telah dinyatakan, masyarakat India di Negeri Selangor khususnya pekerja ladang dan bekas pekerja ladang dapat diberdayakan dalam usaha menaiktaraf hidup mereka dan mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

Dalam pada itu, sejak tahun 2017, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Pembangunan Usahawan India Negeri Selangor bagi tujuan membantu masyarakat India yang berpotensi dalam bidang keusahawanan untuk mendapat bimbingan serta tunjuk ajar dalam bidang perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM NEGERI
SELANGOR**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri masih berhasrat bagi menggubal Enakmen Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya
- b) Nyatakan kerjasama yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

JAWAPAN:

- a) Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 4/2019 Kerajaan Negeri bersetuju supaya Kamar Penasihat Undang-Undang (PUU) Negeri Selangor bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) membentangkan draf Dasar Rang Undang-Undang (RUU) Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PSPPA) Negeri Selangor bagi meneruskan penggubalan Enakmen PSPPA Negeri Selangor. Pihak Kerajaan Negeri juga telah menemui pihak Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negera (JPSPN), KPKT bagi memaklumkan hasrat Kerajaan Negeri. Proses ini memakan masa yang panjang berikutan wujud dasar-dasar baru seperti penubuhan PMC dan cadangan pembinaan WTE untuk dimasukkan ke dalam dasar RUU PSPPA.
- b) Secara dasarnya Kerajaan Negeri tidak mengguna pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (Akta 672) sejak ia diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tiada berhubung dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN). Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri ada menghadiri jemputan bengkel atau seminar yang dianjurkan oleh JPSPN sebagai perkongsian maklumat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PROGRAM INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR)

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas PRU ke 14, berapakah program IPR baru yang diperkenalkan?
- b) Berapakah tambahan bajet untuk program IPR dibandingkan dengan bajet sebelum PRU 14?
- c) Berapakah jumlah penggunaan wang yang telah dibelanjakan dalam program-program IPR dari tahun 2017 - 2019?

JAWAPAN:

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan daripada:

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang) – soalan 230

- a) Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela serta memenuhi wawasan '*shared prosperity*'.

Sukacita dimaklumkan di sini, program IPR adalah program jangka panjang kerajaan yang bertujuan untuk membantu rakyat dan seterusnya kerajaan akan berusaha untuk memberdayakan rakyat sebagai matlamat akhir kerajaan.

Bagi tahun 2019, agenda pelaksanaan program-program IPR diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan (*empowerment*) kepada para penerima manfaat IPR di Selangor.

Oleh itu, sudah tiba masanya Negeri Selangor, mengorak langkah ke suatu paradigma yang baharu sejajar dengan cita-cita untuk menjamin kebajikan rakyat

negeri berteraskan suatu upaya strategik dalam menguruskan sumber negeri yang terbatas.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengadakan Persidangan Pengendali Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) pada Februari 2019. Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama yang menjadikan jumlah program IPR terkini adalah sebanyak 33 program iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 18 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
 - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 15 Program IPR); dan
 - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR).

(Keterangan lanjut seperti lampiran I)

- b) Secara keseluruhannya, jumlah dana yang diperuntukkan untuk setiap program IPR pada tahun 2018 dan 2019 di bawah Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Tahun 2018 – **RM544,956,193.00** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Empat Puluh Empat Juta Sembilan Ratus Lima Puluh Enam Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Tiga); dan

Tahun 2019 - **RM485,435,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Ratus Lapan Puluh Lima Juta Empat Ratus Tiga Puluh Lima Ribu).

Peruntukan ini adalah termasuk dengan peruntukan tambahan bagi tahun 2019 iaitu sebanyak **RM123,815,000.00** (Ringgit Malaysia Seratus Dua Puluh Tiga Juta Lapan Ratus Lima Belas Ribu).

Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan peruntukan bagi program IPR tahun 2018 dan 2019 adalah sebanyak **RM1,030,391,193.00** (Ringgit Malaysia 1 Bilion Tiga Puluh Juta Tiga Ratus Sembilan Puluh Satu Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Tiga).

(Keterangan lanjut seperti lampiran II).

- c) Jumlah penggunaan wang yang telah dibelanjakan dalam program-program IPR dari tahun 2017 – 2019 adalah seperti berikut:

Tahun 2017 – **RM262,942,580.63** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Enam Puluh Dua Juta Sembilan Ratus Empat Puluh Dua Ribu Lima Ratus Lapan Puluh dan Enam Puluh Tiga Sen);

Tahun 2018 – **RM354,361,365.59** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh Empat Juta Tiga Ratus Enam Puluh Satu Ribu Tiga Ratus Enam Puluh Lima dan Lima Puluh Sembilan Sen); dan

Tahun 2019 – **RM161,793,609.33** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Satu Juta Tujuh Ratus Sembilan Puluh Tiga Ribu Enam Ratus Sembilan dan Tiga Puluh Tiga Sen). (Perbelanjaan ini adalah setakat 30 Jun 2019).

Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan perbelanjaan peruntukan bagi program IPR dari tahun 2017 hingga 2019 adalah sebanyak **RM779,097,555.55** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Tujuh Puluh Sembilan Juta Sembilan Puluh Tujuh Ribu Lima Ratus Lima Puluh Lima dan Lima Puluh Lima Sen).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini penambahbaikan infrastruktur digital WIFI Selangorku?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah membentuk jawatankuasa infrastruktur digital dengan syarikat-syarikat telekomunikasi, seperti yang dilaporkan dalam akhbar The Star yang bertajuk "Improving Selangor's Digital Infrastructure" pada 20 Mac 2019?

JAWAPAN:

- a) WIFI Selangorku telah dijenamakan semula sebagai WiFi Smart Selangor. Sejak SMARTSEL diberi tanggungjawab oleh MBI untuk menguruskan program ini secara rasmi bermula Januari 2019 bagi kawasan dan perkakasan yang mempunyai kapasiti dan berupaya untuk menampung keupayaan dalam memberikan perkhidmatan, pihak SMARTSEL telah berjaya untuk meningkatkan kelajuan purata bagi satu (1) pengguna (*peruser speed*) daripada 1Mbps kepada 4Mbps. SMARTSEL juga telah berjaya meningkatkan kelajuan 'backhaul' untuk kawasan yang menggunakan gentian optik kepada 100Mbps. SMARTSEL juga dalam perancangan tahunan menyasarkan akan menambah sejumlah 500 AP atau *Hotspot* untuk tahun 2019. Di samping itu, pihak SMARTSEL juga sentiasa mengukuhkan operasi rangkaianannya dengan mengendalikan *Network Operating Centre* (NOC) sebagai pusat khidmat sehati.
- b) Kerajaan Negeri telah membentuk Jawatankuasa Infrastruktur Digital Negeri Selangor dan mesyuarat pertama telah diadakan pada 23 Januari 2019 dan turut melibatkan syarikat-syarikat telekomunikasi dan agensi. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Y.B. Ir. Izham Bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam serta di terajui oleh SSDU dan SMARTSEL. Pelan dan usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai status "Premier State" menjelang tahun 2025 telah dibincangkan bagi mengkoordinasi pembangunan infrastruktur digital di seluruh Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : ISU PENCERAMAH-PENCERAMAH BEBAS DI MASJID

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Adakah pemantauan dijalankan bagi memastikan pengurusan masjid tidak di politikkan?

JAWAPAN:

- b) Ya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : CAJ PARKIR KENDERAAN

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah Kerajaan Negeri membatalkan caj parkir kenderaan yang baru diumumkan oleh MDKS?

JAWAPAN:

- a) Tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri untuk memutuskan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah membuat keputusan yang menyatakan pelaksanaan caj parkir ini adalah wajar dilaksanakan oleh MDKS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROGRAM USAHAWAN TANI

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana kejayaan pelaksanaan Program Pembangunan Agropreneur setakat ini?
- b) Adakah Kerajaan akan meneruskan pelaksanaannya? Jika ia apakah perancangan Kerajaan Negeri seterusnya untuk meningkatkan penglibatan lebih ramai lagi usahawan-usahawan tani (agropreneur) ?

JAWAPAN:

- a) Program Pembangunan Agropreneur telah dilaksanakan di bawah 2 sumber peruntukan iaitu peruntukan Negeri dan Persekutuan. Pecahan program tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:

Peruntukan Negeri – Agrogenerasi Muda

| Tahun | Bil. Permohonan Diluluskan |
|---------------|-----------------------------------|
| 2015 | 24 |
| 2016 | 32 |
| 2017 | 42 |
| 2018 | 12 |
| Jumlah | 110 |

* permohonan baru dikemukakan ke UPEN

Peruntukan Persekutuan – Agropreneur Muda

| Tahun | Bil. Permohonan Diluluskan |
|---------------|-----------------------------------|
| 2014 | 18 |
| 2015 | 10 |
| 2016 | 12 |
| 2017 | 11 |
| 2018 | 0 |
| 2019 | 6* |
| Jumlah | 57 |

* permohonan baru dikemukakan ke Jabatan Pertanian

- b) Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan program ini dengan beberapa penambahbaikan untuk memperkenalkan program mentor-mentee dan mewujudkan agro preneur dalam bidang industri asas tani. Kerajaan menyediakan dana *in-kind contribution* dengan memberi bantuan sebanyak 30 peratus modal dengan nilai maksimum RM 30,000.00, program latihan dan kursus yang sesuai, menyediakan peluang pemasaran dan bantuan-bantuan lain yang layak untuk dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah warga emas yang telah didaftarkan dan bakal menikmati bantuan Jom Shopping bermula Oktober 2019?

- b) Berapakah jumlah warga emas yang masih lagi hidup mengikut pecahan DUN?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 18 Julai 2019, seramai 204,679 warga emas telah berdaftar di bawah SMUE dan mereka ini layak untuk menikmati bantuan Jom Shopping bermula Oktober 2019. Jumlah ini akan meningkat dari masa ke semasa selama mana pendaftaran masih dibuka.

- b) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, unjuran penduduk warga emas di Selangor pada tahun 2019 adalah seramai 595.7 ribu orang. Tiada pecahan unjuran penduduk warga emas di Selangor mengikut DUN. Statistik penduduk warga emas di Selangor mengikut jantina adalah seperti di Lampiran 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : AIRBNB

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan langkah-langkah atau dasar yang sedang direka oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal selia fenomena AirBnB.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak mempunyai sebarang dasar khusus bagi mengawal selia aktiviti AirBnB ataupun kegiatan penawaran penginapan pelancongan di premis kediaman. Namun demikian, Kerajaan Negeri di bawah Program Pemurnian Pelancongan Selangor atau P3S telah meletakkan aktiviti AirBnB ini sebagai salah satu aktiviti pelancongan yang akan dimurnikan.

Terlebih dahulu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan Bengkel Menangani Isu Aktiviti Penginapan Komersil Di Bangunan Kediaman dengan kerjasama Institu Perancang Malaysia (MIP) yang telah dihadiri oleh hampir 300 peserta pelbagai agensi kerajaan dan swasta dari seluruh negara bagi membincangkan isu-isu dan kawalan aktiviti pemasaran sewaan penginapan secara komersial di bangunan kediaman secara atas talian seperti AirBnB, Mudah.my, dan sebagainya pada 4 April 2019 yang lalu bertempat di Majlis Bandar raya Petaling Jaya.

Rentetan daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah melantik MBPJ sebagai lead agency atau agensi utama bagi Projek Perintis P3S Aktiviti Penginapan Komersial di Bangunan Kediaman bagi membantu Kerajaan Negeri mengenal pasti dan seterusnya merangka satu dasar dan ketetapan ke atas aktiviti AirBnB ini.

Maklumat Tambahan

Walau bagaimanapun, di peringkat nasional, semua isu berkaitan kawal selia penginapan jangka masa pendek atau *Home Sharing* akan diselaras dan dibincangkan dalam platform **Working Group on Home Sharing Economy (WGHSE)** yang dipengerusikan secara bersama oleh **Ketua Setiausaha**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Ketua *Tourism Productivity Nexus* serta diurussetiakan oleh *Malaysia Productivity Corporation (MPC)*.

WGHSE dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak swasta dan sektor awam termasuk **Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)** yang bertujuan untuk membangunkan “***Roadmap for Regulatory Framework on Short Term Accomodations***”.

MPC sebagai pemudahcara dan sekretariat bagi inisiatif ini telah membuat kajian dan membentangkan **Cadangan Kerangka Kerja Kawal Selia Penginapan Jangka Masa Pendek** semasa Mesyuarat WGHSE **Bilangan 2/2018** pada **20 Disember 2018**.

Di bawah WGHSE, sebuah jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan dan dipengerusikan secara bersama oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT dan MOTAC. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi menyediakan garis panduan yang akan menjadi panduan kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas aktiviti dalam bidang kuasa kawasan masing-masing. Antara elemen utama adalah perkara-perkara berkaitan pendaftaran, kawalan kacau ganggu, kutipan cukai dan tempoh penginapan.

Mesyuarat pertama jawatankuasa ini telah diadakan pada **27 Mei 2019** dan diikuti dengan penganjuran ‘**Bengkel Pembangunan Garis Panduan Kawal Selia Penginapan Jangka Masa Pendek**’ pada **28 hingga 30 Jun 2019** di Pulau Langkawi.

Pada **6 hingga 8 Ogos 2019**, MPC akan mengadakan ‘**Bengkel Semakan Draf Garis Panduan**’ ini **bersama kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan** bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan penambahbaikan mengenai draf tersebut.

Draf garis panduan ini akan melalui beberapa siri rundingan bersama agensi-agensi kerajaan dan penggiat industri yang terlibat sebelum disiarkan untuk pandangan umum (*public comments*) pada suku keempat tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : MODERN PIG FARMING DI DAERAH KUALA LANGAT

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk mempercepatkan pelaksanaan Modern Pig Farming di Daerah Kuala Langat memandangkan keadaan pencemaran sungai dan pencemaran bau di sekitar kawasan ladang ternakan yang serius?

- b) Bilakah projek Modern Pig Farming tersebut akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 33/2018 yang diadakan pada 26 Oktober 2018 dan telah disahkan oleh Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 34/2018 telah menimbang dan bersetuju secara dasar dengan pelaksanaan Projek Pembangunan *Modern Pig Farming (MPF)* di Ladang Tumbuk, Mukim Batu Daerah Kuala Langat. Antara keputusan secara dasar yang telah dipersetujui adalah seperti berikut :-
 - 1. Pelaksanaan projek *MPF* ini secara inisiatif pihak swasta sepenuhnya tanpa melibatkan sebarang kos daripada Kerajaan Negeri Selangor;
 - 2. Bersetuju dengan Terma Rujukan (TOR) projek pembangunan Modern Pig Farming (MPF); dan
 - 3. Pihak syarikat membuat urusan pembelian tapak tanah projek *MPF* terus daripada pemilik-pemilik ladang, yang menjadi tanggungjawab syarikat bukan Kerajaan Negeri.

Berdasarkan keputusan tersebut, syarikat yang berminat telahpun memulakan langkah awal dengan berjumpa pemilik-pemilik tanah yang berkaitan untuk urusan pembelian tanah. Walau bagaimanapun, terdapat pemilik-pemilik tanah yang telah meletakkan harga jualan sehingga lebih sekali ganda lebih daripada harga

pasaran dan ini telah menyebabkan kelewatan perancangan pelaksanaan kerana kos pembinaan menjadi semakin tinggi daripada perancangan.

- b) Projek *Modern Pig Farming* tersebut akan dilaksanakan sebaik sahaja syarikat yang berminat dapat menyelesaikan isu pembelian tanah dan memperolehi kelulusan Kebenaran Merancang (KM).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : SKIM SMART SEWA

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah 30% daripada sewaan akan dipulangkan balik kepada penyewa sekiranya mereka masih tidak mampu membeli rumah selepas tempoh 5 tahun maksima menyewa rumah dibawah Skim Smart Sewa?
- b) Adakah penduduk dipaksa pindah selepas tempoh 5 tahun menyewa rumah dibawah skim ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya mereka masih tidak mampu membeli rumah selepas tempoh 5 tahun maksima menyewa rumah dibawah Skim Smart Sewa maka pemulangan bayaran sejumlah 30% daripada kadar sewa akan dibuat kepada pemohon setelah tamat tempoh perjanjian tersebut.
- b) Pada masa ini, Dasar Skim Smart Sewa telah menetapkan selepas tempoh 5 tahun maksima penyewaan rumah, pemohon tidak lagi akan dibenarkan untuk memperbaharui perjanjian sewaan baru dan unit tersebut akan diganti dengan pemohon yang baru. Ini bagi memberi peluang kepada pemohon yang lain untuk menikmati skim tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dalam proses penelilitian dan mengkaji semula dasar Skim Smart Sewa ini akan keperluan untuk melaksanakan penambahbaikan dan memperkembangkan skim ini kepada pelaksanaan 'Skim Rent To Own'. Sekaligus, ianya membantu pembeli-pembeli sedia ada yang telah menyewa dibawah Skim Smart Sewa untuk menikmati skim baru iaitu Skim 'Rent To Own' selepas tempoh 5 tahun menyewa unit tersebut. Akhirnya, pemohon tersebut dapat memiliki kediaman yang mereka sewa sebagai pemilikan mereka sendiri dan tidak perlu pemohon keluar daripada unit tersebut selepas 5 tahun.

Walaubagaimanapun, perkara ni masih dalam peringkat perbincangan awalan dan memerlukan kajian akan kaedah/mekanismas pelaksanaan Skim 'Rent To Own' yang akan dilaksanakan oleh anak syarikat LPHS iaitu Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : GENGTERISME

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membendung masalah gengsterisme di kalangan kaum India dan membasmi kemiskinan di kalangan mereka?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, sebanyak 42 kes yang dilaporkan pihak polis adalah melibatkan kumpulan kongsi gelap. Dari jumlah itu, sebanyak 32 kes dilakukan oleh kumpulan kongsi gelap India manakala 5 kes melibatkan kongsi gelap Cina dan 5 kes lagi oleh kumpulan kongsi gelap Melayu.

Daripada 42 kes yang di laporkan, sebanyak 40 kes telah diselesaikan dan peratus penyelesaian kes adalah 95.2%. Dalam menangani isu kongsi gelap ini, PDRM sentiasa komited dalam mengambil tindakan terhadap kes-kes membabitkan gengsterisme yang dilaporkan. Di antara undang-undang yang dilihat berkesan dalam menangani isu ini adalah:

1. Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA)

Seramai 347 orang ahli kumpulan kongsi gelap telah diambil tindakan di bawah undang-undang ini sejak tahun 2015.

2. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012

Ekoran daripada kejadian-kejadian jenayah serius seperti kes bunuh, pemilikan/penggunaan senjata api, culik, mendatangkan cedera parah dan kes-kes samun berkumpulan oleh kumpulan kongsi gelap di sekitar Selangor sejak 2016, Polis Selangor telah melancarkan operasi di bawah kumpulan Jenayah Terancang (Prosedur SOSMA), operasi ini dinamakan sebagai 'OPS REGIMEN', 'OPS KABALI', 'OPS SPIDER', dan 'OPS API RELOAD'. Seramai 141 orang ketua dan ahli kumpulan kongsi gelap telah ditangkap.

Sesungguhnya, pihak Polis di Kontinjen Selangor sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya bagi menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri yang selamat didiami dan bebas daripada kegiatan-kegiatan kongsi gelap yang boleh membawa kepada permasalahan sosial.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa prihatin menjaga dan memelihara keperluan seorang individu bagi membasmi kemiskinan dikalangan masyarakat. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2013 - 2018, Program Tajaan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) membantu golongan belia / pelajar india untuk mengikuti kursus kepelbagaian bidang untuk mencorakkan hidup mereka dengan masa depan yang lebih cerah dan terjamin . Mereka menggunakan platform tersebut untuk mengembangkan evolusi pemikiran dan meningkatkan modal Insan. Dalam usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan, mendapati bahawa pelajar / belia India dapat menterjemahkan pemikiran yang inovatif dalam pekerjaan untuk lebih berdaya saing dan maju ke hadapan. Ianya juga salah satu laluan untuk mengembangkan bakat dan kemahiran mereka menerusi strategi pengurusan bakat tanpa terikat sepenuhnya dengan masalah gengsterisme atau aktiviti-aktiviti lain yang tidak sihat dimana pada tahun – tahun sebelum 2017 pengambilan pelajar secara keseluruhannya telah menurun sehingga 15%, namun penajajaran dan pengenalan Program Iktisas terhadap peratusan pengambilan pelajar kaum India adalah tidak jelas.

Dalam pada itu Kerajaan Negeri telah melaksanakan program pembangunan usahawan India Negeri Selangor bagi tujuan membantu masyarakat India yang berpotensi dalam bidang keusahawanan untuk mendapat bimbingan serta tunjuk ajar dalam bidang perniagaan pada tahun 2017, namun program ini tidak dikendalikan oleh mana – mana exco ketika itu dan sehingga kini keberkesanan program tersebut adalah tidak jelas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : HALAL SELANGOR

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan program Halal Selangor terutamanya kepada golongan wanita dan ibu tunggal di Selangor?
- b) Adakah program Halal Selangor ini memberi impak besar kepada usahawan baru atau hanya fokus kepada usahawan yang telah berjaya?

JAWAPAN:

a) Program Halal Selangor :-

1. Program-program Halal Selangor yang dijalankan adalah disasarkan kepada dua golongan utama. Golongan tersebut merupakan pemain-pemain industri halal, penguatkuasa tempatan, pelajar-pelajar dan juga pemain-pemain industri lain yang ingin menceburi bidang halal.
2. Bagi golongan pemain industri, program yang telah diadakan adalah merupakan peningkatan pemahaman serta kemahiran bagi menjalankan perniagaan dalam bidang halal. Bimbingan *hands-on* dan *case study* serta *mock-audit* dijalankan untuk kemahiran praktikal.
3. Manakala bagi golongan pelajar-pelajar pula, program Halal Selangor ini memberikan nilai tambah kepada kemahiran mereka. Program tersebut disesuaikan bagi membuka peluang pekerjaan bagi pelajar-pelajar yang menganggur.
4. Program Halal Selangor telah melatih sejumlah 338 golongan wanita di Selangor. Walaubagaimanapun program khusus untuk golongan wanita dan ibu tunggal sedang dirangka dan akan dijalankan dalam masa terdekat ini.

b) Program Halal Selangor memberikan impak yang besar kepada usahawan-usahawan baru. Usahawan-usahawan yang turut serta dalam program ini telah didedahkan dengan proses permohonan sijil halal, pengendalian perniagaan dalam dan luar negara dari perspektif halal dan pengauditan yang berkaitan.

Manakala bagi usahawan yang telah berjaya pula, mereka telah didedahkan kepada teknologi, maklumat serta standard terkini berkaitan industri halal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PEMASANGAN CCTV

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah (Berfungsi & Tidak Berfungsi) dan kos CCTV yang telah dipasang oleh kerajaan Negeri Selangor mengikut PBT?
- b) Apakah rancangan seterusnya berkenaan pemasangan CCTV di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak **414 unit** Kamera Litar Tertutup (CCTV) Negeri Selangor telah mula beroperasi pada bulan November 2013 melalui kontrak secara *build, operate and transfer* antara Kerajaan Negeri Selangor bersama syarikat GTC Global Sdn. Bhd. yang kini dikenali sebagai VADS Lfy Sdn. Bhd. Tempoh kontrak adalah selama **20 tahun** dengan kos sebanyak RM488,520.00 sebulan atau RM5,862,240.00 setahun. Sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 39 unit CCTV mengalami kerosakan dan dalam proses pembaikan oleh vendor yang dijangka siap pada hujung Julai 2019. Pecahan jumlah CCTV yang dipasang dan tidak berfungsi dengan baik mengikut PBT adalah seperti berikut:

| Bil. | PBT | Jumlah CCTV | Jumlah CCTV tidak berfungsi dengan baik |
|-------------|------------|--------------------|--|
| 1. | MBSA | 50 | 7 |
| 2. | MBPJ | 60 | 2 |
| 3. | MPK | 60 | 8 |
| 4. | MPSJ | 50 | 4 |
| 5. | MPS | 50 | 8 |
| 6. | MPKj | 60 | 6 |
| 7. | MPSp | 50 | 1 |
| 8. | MDKL | 10 | 1 |

| | | | |
|---------------|------|----------------|-----------|
| 9. | MDHS | 8 | 0 |
| 10. | MDKS | 8 | 0 |
| 11. | MDSB | 8 | 2 |
| 11. | MDHS | 8 | 2 |
| 12. | MPAJ | Tidak terlibat | - |
| Jumlah | | 414 | 39 |

- b) Pada penghujung tahun ini, *technology refreshment* akan dilaksanakan ke atas 414 unit CCTV kerajaan Negeri Selangor. *Technology refreshment* ini adalah selaras dengan perkembangan teknologi terkini CCTV untuk memastikan ianya dapat berfungsi dengan lebih efisien dan lebih baik berbentuk digital bagi menggantikan perakam analog.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : JUMLAH SEKOLAH TAHFIZ YANG MASIH BELUM BERDAFTAR DAN
TINDAKAN KERAJAAN**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah sekolah tahfiz yang masih belum berdaftar dengan JAIS dan berapakah yang telah diambil tindakan seperti yang dititahkan DYMM Sultan Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sekolah tahfiz swasta yang masih belum berdaftar adalah **22 buah** sekolah. Walau bagaimanapun, **11 buah daripada 22 buah** telah pun berdaftar. Jumlah yang telah diambil tindakan adalah seperti berikut;

1. Tindakan **Henti operasi:**

- **1 buah sekolah** diarahkan henti operasi; dan
- **7 buah sekolah** secara sukarela setelah diberi bimbingan dan khidmat nasihat.

2. **Tutup: 5 buah sekolah** didapati tidak lagi beroperasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR DI KAWASAN INDUSTRI

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat2 yang diperlukan untuk meluluskan pembangunan kawasan industri?
- b) Berapakah kawasan industri yang telah diluluskan di DUN Ijok sehingga 2019?

JAWAPAN:

- a) Syarat-syarat yang diperlukan untuk meluluskan pembangunan kawasan industri:
 - i. Tapak cadangan hendaklah terletak dalam zon gunatanah industri berdasarkan RTMDKS 2025
 - ii. Memaruhi Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi ke-3) dan Dasar Pihak Berkuasa Negeri.
 - iii. Mematuhi ulasan dan syarat jabatan teknikal
- b) Lima kawasan yang telah diluluskan sehingga 2019 adalah seperti berikut:
 - i. Taman Industri Alam Jaya (200 ekar)
 - ii. Taman Industri Alam Jaya 2 (110 ekar)
 - iii. Pusat Perindustrian Semanja (104.19 ekar)
 - iv. Eco Perindustrian 5 (130.40 ekar)
 - v. Taman Industri Bukit Badong (20.00 ekar)

Sumber : Majlis Daerah Kuala Selangor